

Majlis Cuepacs cari kesepakatan

BH-12/2/2007

Sidang hari ini putus tolak atau terima skim baru

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Majlis Kongres Cuepacs akan bersidang hari ini bagi mendapat kesepakatan di kalangan pemimpin kesatuan itu sama ada menerima atau menolak skim baru pencen, kaedah kenaikan pangkat dan umur persaraan kakitangan awam.

Selain dijangka mengekalkan keputusan menolak skim Faedah Pencen Bercarum (FPB), persidangan dihadiri 150 ahli Majlis Kongres Cuepacs itu dijangka turut menolak pelaksanaan ujian Penilaian Tahap Kecapakan (PTK).

Bagaimanapun, majlis itu dijangka menerima cadangan usia persaraan kakitangan awam dilanjutkan hingga 60 tahun.

Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata sebelum persidangan bermu-

la, 41 ahli Majlis Tertinggi Cuepacs akan bermesyuarat pada sebelah pagi di sebuah hotel di Jalan Bukit Bintang, di sini bagi menghalusi ketiga-tiga aspek berkenaan.

"Persidangan ini penting bagi menentukan masa depan kakitangan awam, sama ada yang sudah lama berkhidmat atau yang baru menyertai sektor awam.

"Hasil perbincangan kami dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ini, akan kami nilai baik dan buruknya. Ini keputusan Majlis Kongres bagi memelihara kebajikan kakitangan awam," katanya ketika dihubungi, di Alor Star semalam.

Ditanya sama ada Cuepacs akan mengekalkan keputusan sebelum ini menolak cadangan FPB, beliau berkata, Majlis Kongres akan meneliti

dan membuat keputusan sama ada ingin meneruskan perbincangan dengan JPA atau sebaliknya."

Akhir bulan lalu, Cuepacs bertemu Timbalan Ketua Pengarah JPA, Datuk Ahmad Said bagi mendengar penjelasan mengenai FPB. Antara lain, Ahmad menyatakan kerajaan menanggung beban tinggi bagi membiayai pencen 500,000 pesara kerajaan.

Bagaimanapun, selepas pertemuan itu, Omar dilaporkan berkata, Cuepacs tetap mahu skim pencen sedia ada dikekalkan berikutan cadangan FPB tidak menyediakan asas menarik.

Mengikuti cadangan itu, kakitangan awam dikehendaki mencarum 11 peratus, manakala kerajaan pula 12 peratus dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), sekali gus membebaskan mereka.